



7 Mac 2014
7 March 2014
P.U. (B) 77

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 10(7)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 10(7)



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 10(7)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(7) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [*P.U. (A) 62/2010*], Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan telah meluluskan suatu draf rancangan struktur yang dikenali sebagai Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dan telah mula berkuat kuasa pada 6 November 2013.

2. Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa perancang tempatan telah menerima pakai rancangan struktur ini bersama dengan tanda yang dengannya rancangan struktur ini boleh dikenal pasti sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

3. Rancangan struktur ini boleh diperiksa di Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya pada waktu yang berikut:.

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi hingga 12.45 tengah hari
	-	2.00 petang hingga 5.00 petang
Jumaat	-	8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari
	-	2.45 petang hingga 5.00 petang